

Pua

**Identiti dan Budaya
Masyarakat Iban**

NORIA TUGANG



P. KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000266281

PU

AYA

PUSAT KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK		
BIL	TARIKH PEMULANGAN	PATRON ID
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		
PEMULANGAN LEWAT DIKENAKAN DENDA		

PUA IDENTITI DAN BUDAYA MASYARAKAT IBAN

Noria Tugang

Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan
2014

612205655

© Noria Tugang 2014

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Diterbitkan oleh

Penerbit Universiti Malaysia Sarawak
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Dicetak di Malaysia oleh

Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Kementerian Dalam Negeri
Jalan Tun Abang Haji Openg
93554 Kuching, Sarawak

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Noria Tugang, 1962-

PUA IDENTITI DAN BUDAYA MASYARAKAT IBAN / Noria Tugang.

Bibliography : pages 236

ISBN 978-967-5527-73-9

1. Weaving--Sarawak. 2. Iban (Bornean people)--Sarawak-- Social life and customs. I. Judul.

746-140959522

Adub
DS
646.32
I2
N841
2014

KANDUNGAN

Prakata	vii
Pendahuluan	xi
1. Masyarakat Iban Di Sarawak	1
2. Kosmologi Iban: Ruang Alam Semester Dan Kuasa Luar Biasa	43
3. Pengenalan Kepada Kain Pua	79
4. Petara Yang Dipuja Dalam Pembuatan Kain Pua	133
5. Ritual Dalam Pembuatan Kain Pua	149
6. Motif-Motif Pada Kain Pua	175
Kesimpulan	207
Glosari	215
Rujukan	237
Indeks	253

❁ Prakata ❁

Puji Tuhan kerana atas pertolongan-Nya, akhirnya buku ini dapat disiapkan dengan sempurna. Apabila menyempurnakan buku ini, saya banyak berhutang budi kepada pelbagai pihak yang membantu saya dengan menyumbangkan idea-idea bernas terhadap penulisan ini. Dengan kesempatan yang ada ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga, kepada individu-individu tertentu atas sumbangan mereka yang tidak ternilai.

Ucapan penghargaan ini khasnya saya tujukan kepada Profesor Madya Dr Tune Yap Beng Liang, yang tidak pernah jemu membantu saya dan mengorbankan masa beliau untuk menyempurnakan buku ini. Sesungguhnya, segala sumbangan, pertolongan, pengorbanan, budi dan jasa beliau tidak akan saya lupakan.

Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan untuk Profesor Dr Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, En. Ahmad Hakimi Khairuddin, Profesor Madya Datuk Zainal Abidin Bin Borhan (Mantan Pengarah Akademi Pengajian Melayu), Profesor Datuk Dr Othman Yatim (Mantan Ketua Jabatan Sosio-Budaya Melayu), Profesor Dr Mokhtar Abu Hassan (Timbalan Pengarah Akademi Pengajian Melayu), Profesor Datuk Dr Hashim Awang, dan Profesor Madya Dr Nor Hisham Osman atas bantuan dan sumbangan buah fikiran terhadap penghasilan buku ini. Pendek kata, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada warga Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, baik yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung. Budi dan jasa baik kalian akan saya

ingati sampai bila-bila. Tesis atau mana-mana bahagian tesis termasuk mana-mana kerja yang terhasil daripada penulisan tesis, telah disediakan untuk tujuan pengijazahan Ijazah Doktor Falsafah/PhD di Universiti Malaya, dan bahawa penyelidikan yang dijalankan adalah semasa pencalonan Ijazah Doktor Falsafah/PhD saya di Universiti Malaya. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Universiti Malaya kerana memberi kebenaran kepada saya untuk menerbitkan Tesis PhD ini ke dalam bentuk buku ilmiah.

Ucapan terima kasih juga kepada semua ahli keluarga saya atas sumbangan data primer yang tidak ternilai. Jutaan terima kasih ini khas saya tujukan kepada ini (nenek) Miya Anak Dabong, ini Muna Anak Buja, ini Bika Anak Aja, ini Buban Anak Jagin, dua orang insan yang teramat istimewa ibubapa saya, iaitu Manin Anak Matong dan bapa saya Tugang Anak Rima, sepupu saya Chee Miew Im (Onga), Renggan Anak Rima, Long Anak Mang, yak Bajut, yak Uma, ini Tani Anak Adar, ini Ipun, ini Embor, dan seluruh saudara-mara dan sahabat handai saya di Kampung Ibol, Undop, Sri Aman, Sarawak. Semoga kalian sentiasa sihat sejahtera, dipanjangkan umur dan dimurahkan rezeki.

Penghargaan dan ucapan sekalung budi juga saya rakamkan buat Abang Shamshudin Bin Abang Seruji (Mantan Tuan Residen di Bahagian Sri Aman, Sarawak), Evandy Majea dan Efioren Majea atas cadangan dan sumbangan mereka dalam menjayakan buku ini. Terima kasih juga kepada pekerja-pekerja Arkib Muzium Sarawak kerana membenarkan saya membuat kajian kepustakaan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada seluruh ahli keluarga saya di Entawa Wong Padong Undop, Sri Aman, Sarawak, khasnya kakak dan adik-adik saya, Sia Tugang, Rosita Tugang, Neknika Tugang, dan abang ipar dan adik ipar saya, *Tuai Rumah* Bala Anak Buntuk, Bungai Andar, Desmond Bishop serta anak buah saya, Leo Bala, Forman Bala, Alo Bala, Shirley Bala, Jacqueline, Benedictine, Claudya Melissa, Augustine, dan khas buat anak tunggal perempuan saya, Corrinne. Semoga kalian sentiasa sihat sejahtera, dikurniakan dengan

segala kesempurnaan hidup, dipanjangkan umur dan dimurahkan rezeki.

Penghargaan khas ini juga saya rakamkan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan buku ini baik secara langsung mahupun secara tidak langsung. Jutaan terima kasih atas sumbangan buah fikiran dan material terhadap penulisan buku saya ini. Sesungguhnya, impian kalian untuk melihat buku ini berjaya dihasilkan akhirnya menjadi kenyataan, dan kejayaan ini adalah kejayaan yang kita kongsi bersama!



Pendahuluan



Dalam masyarakat Iban, ada sejenis tenunan yang dikenali sebagai kain pua. Kain bermaksud tekstil, manakala pua ialah bermaksud selimut. Kain pua ialah bermaksud kain selimut. Kain pua mempunyai tempat yang amat penting dan istimewa dalam masyarakat Iban di Sarawak. Kain pua dianggap sebagai lambang identiti atau pengenalan diri orang Iban, sama ada di antara orang Iban dengan orang Iban atau di antara orang Iban dengan *petara* (tuhan) mereka atau kuasa-kuasa luar biasa yang lain. Kain pua mempunyai hubungan dengan alam ghaib atau kuasa ghaib dan ini merupakan keistimewaan utama budaya benda masyarakat Iban. Kain pua merupakan satu objek kegunaan harian sebagai selimut dan merupakan satu objek sakral yang mempunyai makna simbolik tertentu. Dengan itu, pembuatan kain pua selalunya dilakukan dengan penuh ritual, atau dengan kata lain, pembuatan kain pua wajib diiringi ritual-ritual tertentu.

Kepentingan kain pua dalam masyarakat Iban dapat dilihat apabila kaum wanitanya sentiasa berusaha memiliki kemahiran dan kepakaran dalam penenunan kain tersebut. Kemahiran dan kepakaran menenun kain pua dianggap sebagai satu lambang status sosial tertinggi dalam kalangan wanita masyarakat Iban. Berikutan perkara tersebut, timbul pendapat yang menyatakan bahawa

sekiranya lelaki Iban yang pergi ke ekspedisi peperangan dianggap sebagai pahlawan gagah berani, maka persaingan wanita untuk memperoleh kemahiran menenun kain pua juga dianggap sebagai satu bentuk peperangan dalam kalangan wanita Iban. Ritual tertentu telah diwujudkan berkaitan peralihan status wanita Iban yang diukur berdasarkan kemahiran dan kepakaran mereka menenun kain pua.

Dalam buku ini, fokus adalah kepada ritual kain pua dalam masyarakat dan budaya Iban di Sarawak, khususnya masyarakat Iban di Sri Aman. Buku ini akan cuba meneliti makna simbolik dan kepentingan ritual-ritual pembuatan kain pua dalam masyarakat Iban, dan hubungannya dengan kuasa *super natural being*. Apabila meneliti dan memahami perkara tersebut, kosmologi Iban juga dibincangkan kerana ritual kain pua dalam masyarakat Iban mempunyai perkaitan yang rapat dengan apa yang diterangkan dalam kosmologi mereka. Selain itu, penggunaan kain pua dalam ritual-ritual, terutamanya ritual *gawai*, turut dibincangkan. Tanpa penggunaan kain pua, ritual-ritual tersebut dianggap tidak lengkap atau sempurna, malah melanggar hukum adat dan dianggap engkar kepada perintah *petara* atau tuhan orang Iban. Kain pua dianggap sebagai elemen istimewa yang mempunyai banyak jaringan dengan segala aspek kehidupan masyarakat Iban dan sebagai unsur penting yang menghubungkan orang Iban dengan kuasa ghaib dan alam ghaib. Justeru itu, dalam masyarakat Iban, kain pua melambangkan identiti budaya Iban di Sarawak dari dahulu hingga kini.

1

Masyarakat Iban di Sarawak

Bahagian Sri Aman Sarawak menjadi fokus utama penulisan buku ini, iaitu tentang ritual kain pua dalam budaya Iban di Sarawak. Bagi memahami dan meneliti ritual kain pua, maka latar belakang masyarakat dan budaya Iban itu sendiri perlu diketahui terlebih dahulu.

Menurut Jemat Umpor, pada zaman dahulu, Bahagian Sri Aman ini menjadi petempatan paling awal orang Iban yang berhijrah dari Kapuas, Kalimantan Barat, Indonesia ke negeri Sarawak. Bahagian Sri Aman menjadi petempatan gelombang pertama penghijrahan orang Iban dari Kapuas pada masa itu dan majoriti penduduknya terdiri daripada orang Iban. Orang Iban di bahagian ini masih mengekalkan ekonomi sara diri dengan penanaman padi menggunakan kaedah tradisi dan memburu binatang, menangkap ikan juga menggunakan kaedah tradisi. Penenunan kain pua pula, merupakan kegiatan utama kaum wanita Iban di bahagian tersebut khasnya selepas selesai kerja-kerja menuai padi.

Kaum Iban bertumpu di bahagian barat laut Kepulauan Borneo. Kebanyakan kaum Iban kini tinggal di negeri Sarawak dan terdapat juga sebilangan orang Iban di Kalimantan Barat, Indonesia, iaitu di sebuah kawasan di sekitar Sungai Kapuas. Pada masa dahulu, setelah orang Iban menetap beberapa dekad di sepanjang Sungai Merakai, Indonesia, salah seorang ketua mereka yang bernama Gelungan bersama pengikut-pengikutnya telah keluar dari kawasan itu untuk mencari suatu penempatan baru yang lebih baik dan selesa. Kemudian, mereka telah menetap di Bukit Balau yang terletak antara Merakai dan Sungai Batang Undop. Mereka diikuti pula oleh kumpulan kedua orang Iban yang diketuai seorang ketua bernama Langkup. Kumpulan kedua ini telah menetap di tengah-tengah kawasan Batang Undop. Setelah dua kumpulan ini menetap di Bukit Balau dan Batang Undop, kumpulan ketiga orang Iban yang diketuai oleh Jelian telah menetap di Wong Empangu, iaitu di kawasan hilir Batang Undop (Benedict Sandin, 1967:2).

Berdasarkan kajian sejarah, kaum Iban suka mengembara dan juga berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain untuk mencari kawasan yang lebih subur untuk menanam padi bukit dan juga untuk mendapatkan binatang buruan dan ikan. Tempat asal mereka tidak dapat ditentukan, tetapi ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa orang Iban pernah tinggal di kawasan Hulu Kapuas dan Ketungau di Kalimantan Barat, Indonesia sebelum berpindah ke Sarawak. Orang Iban dipercayai telah datang ke kawasan Sarawak pada awal tahun 1540 (Chang Pat Foh, 1999:18).

Penelitian terhadap susur-galur keturunan orang Iban menunjukkan bahawa migrasi orang Iban yang pertama adalah dari Ketungau (cawangan Sungai Kapuas) ke kawasan lembah Sungai Undop (Cawangan Sungai Batang Lumar) yang kini dikenali sebagai Bahagian Sri Aman, Sarawak. Orang Iban dikatakan masuk ke Sarawak melalui sebuah tempat yang bernama Kumpang yang terletak dalam kawasan Batang Ai, Daerah Lubuk Antu, Bahagian Sri

Aman, Sarawak (Peter Kedit, 1980: 46). Kawasan petempatan pertama mereka di Sarawak ialah di Batang Sungai Undop, Simanggang, yang kini dikenali sebagai Sri Aman, Sarawak.

Walau bagaimanapun, kesan daripada corak pertanian pindah yang mereka amalkan menyebabkan orang Iban terdapat di semua bahagian negeri Sarawak, terutamanya di Bahagian Sri Aman, Samarahan, Betong, Sarikei, Sibul, Julau, Pakan, Kapit, Bintulu, Baram, dan Miri. Orang Iban pada suatu ketika dahulu, lebih dikenali dengan panggilan '*Sea Dayak*' dalam kalangan warga asing. Panggilan tersebut adalah disebabkan mereka biasanya bergerak di kawasan laut sebagai lanun dan juga sebagai pelayar yang handal. Orang Iban dikategorikan ke dalam kumpulan Melayu Proto, iaitu sama dengan orang Melayu Sumatera dan Semenanjung Malaysia (Derek Freeman, 1955: 6).

Menurut tradisi lisan masyarakat Iban, penghijrahan gelombang pertama orang Iban ialah dari Kapuas, Kalimantan Barat, Indonesia, dan di Sarawak pula, petempatan awal mereka terletak di Batang Sungai Undop, Simanggang. Penghijrahan gelombang kedua pula bertempat di Bahagian Sibul dan Kapit. Orang Iban menyara kehidupan mereka dengan bertanam padi bukit dan padi paya sebagai aktiviti ekonomi utama di samping mengusahakan tanamam kontan yang lain, seperti jagung, ubi keledak, keladi dan ubi kayu.



Gambar 1.1: Anak muda lelaki Iban di Bahagian Sri Aman, Sarawak sedang memakai pakaian tradisional Iban yang lengkap semasa menyambut perayaan Hari Gawai Dayak pada 1 Jun 2008. (Sumber: Kerja Lapangan Penulis).

Setelah mereka hidup sekian lama di petempatan awal, khususnya di Bahagian Sri Aman, mereka mendapati bahawa kawasan tanah pertanian untuk menanam padi bukit dan padi paya tidak lagi subur sepertimana suatu ketika dahulu. Oleh itu, mereka mula meninggalkan tempat-tempat tersebut untuk mencari satu petempatan yang baru, terutamanya di Bahagian Miri, Bintulu dan Limbang. Pada pendapat mereka, di tempat baru tersebut mereka senang mendapatkan binatang buruan dan juga tanah pertanian yang lebih subur bagi mendapatkan hasil tuaian padi yang lumayan.



Gambar 1.2: Anak gadis Iban di Bahagian Sri Aman, Sarawak, sedang memakai pakaian tradisional Iban yang lengkap semasa menyambut perayaan Hari Gawai Dayak pada 1 Jun 2008.

Menurut Andar Sing, orang pertama yang menjadi penghuni kawasan Batang Sungai Undop, Bahagian Sri Aman bernama Langkup. Beliau berkahwin dengan seorang wanita yang juga bernama Langkup. Pasangan suami isteri tersebut sahaja yang merupakan penghuni tetap kawasan Batang Sungai Undop, Sri Aman ketika itu. Kenyataan ini disebut oleh seorang *Tuai Burung* yang berbunyi, "*Kita menurut adat asal nenek moyang kita yang bernama Langkup, iaitu orang pertama mendiami Batang Undop dan berkahwin dengan isterinya juga bernama Langkup*" dengan maksud, mereka mengamalkan adat resam tradisi masyarakat Iban yang berkaitan dengan agama dan kepercayaan yang diwarisi daripada nenek moyang mereka yang terdahulu bernama Langkup.

Istilah itu digunakan oleh kaum Kayan untuk merujuk kepada kumpulan orang Iban yang membuat petempatan di kawasan Sungai Rajang. Namun begitu, pendapat tersebut tidak diterima oleh orang Iban sendiri. Mereka mendakwa bahawa perkataan 'Iban' telah begitu lama mereka gunakan sehingga mereka sendiri tidak mengetahui masa pertama kali digunakan. Yang pasti, istilah Iban itu sudah digunakan sebelum kaum Iban berhijrah ke Sarawak. Di Kapuas, Indonesia, istilah 'Iban' juga digunakan walaupun kelompok yang berkenaan tidak pernah atau jarang berhubung dengan kaum Iban di Sarawak.

Berkaitan cerita lisan tentang sejarah dan tradisi kaum Iban sejak turun-temurun, Manin Matong, mengatakan bahawa sebelum orang Iban berhijrah dari kawasan Hulu Kapuas dan Ketungau di Kalimantan Barat ke Sarawak, orang Iban yang bermastautin tetap di sana ketika itu telah mengadakan satu perjanjian bersejarah, iaitu wasiat berkenaan dengan perkongsian harta pusaka. Barang pusaka tersebut berupa perahu yang diperbuat daripada kayu belian, *pintu tapang* (pintu yang diperbuat daripada kayu ketapang, iaitu hampir sama kualiti kayunya dengan kayu belian) dan beberapa buah *tajau* (tempayan) yang dikatakan masih ada dalam simpanan orang Iban di Ketungau (Air Kapuas), Kalimantan Barat, Indonesia sehingga sekarang. Perkara ini dikatakan sebagai satu bukti yang amat kukuh yang menjelaskan dan membuktikan bahawa orang Iban di Sarawak sebenarnya mempunyai pertalian tali persaudaraan dengan masyarakat Iban di Kapuas, Kalimantan, Indonesia sehingga kini.

Walau bagaimanapun, orang Iban daripada beberapa buah rumah panjang di Kalimantan Barat, Indonesia (yang berdekatan dengan sempadan Batu Lintang Undop, daerah Sri Aman dan juga daerah Lubok Antu, Sarawak yang ada sekarang) masih berhubung rapat dengan orang Iban di Bahagian Sri Aman, Sarawak sehingga ke hari ini. Perkara ini disebabkan mereka mempunyai pertalian tali persaudaraan yang dekat antara satu sama lain. Antara rumah panjang di Kalimantan Barat

yang dimaksudkan itu termasuklah Merakai Panjai, Merakai Pandak, Sungai Embawang, Sungai Antu, Badau, Emperan Guntor, Langgau, Jaung, Kedumbi dan Melacau. Biasanya, orang Iban Kalimantan Barat itu memasuki negeri Sarawak melalui pos sempadan Batu Lintang Undop dan Lubok Antu, Bahagian Sri Aman, Sarawak dengan menggunakan pas rasmi yang dikenali sebagai 'Pas Lintas Batas' yang sah di sisi undang-undang negara Malaysia.

Berdasarkan genealogi, dianggarkan bahawa orang Iban telah menetap di Sarawak selama lima belas keturunan dan penghijrahan mereka ke Sarawak hanya berakhir tiga abad yang lalu (Erik Jensen, 1974: 18). Menurut Jemat Umpor, satu perkara yang amat menarik tentang orang Iban di Kalimantan Barat, Indonesia dan orang Iban di Sarawak ialah bahawa mereka mengamalkan cara kehidupan atau budaya yang hampir sama. Antara ciri persamaan yang paling jelas ialah kaedah menanam padi bukit dan padi paya, dan kaedah penenunan kain pua, khasnya dari segi ritual pembuatan, penciptaan motif-motif dan penggunaan kain pua tersebut. Hal ini dapat dilihat di bahagian, Betong, Sarikei, Sibu, Bintulu, Miri, negara Brunei Darussalam, Wilayah Persekutuan Labuan dan negeri Sabah.

Bahagian Sri Aman yang mempunyai dua buah daerah utama, iaitu Daerah Sri Aman dan Daerah Lubok Antu yang meliputi keseluruhan lembah Sungai Batang Lupar dan memanjang dari Lingga ke Hulu Skrang. Anak-anak sungainya, kecuali Batang Ai dan Sungai Batang Ai, terletak di daerah Lubok Antu yang merupakan persempadanan baru yang telah dibuat memandangkan sebahagian kawasan daerah Sri Aman, iaitu daerah kecil Meludam, telah diserahkan kepada pentadbiran Bahagian Betong.

Penduduk dan Kediaman

Bahagian Sri Aman mempunyai bentuk muka bumi yang bergunung-ganang dan berbukit-bukau. Taburan penduduk di bahagian ini amat dipengaruhi oleh bentuk muka buminya. Oleh itu, didapati kebanyakan masyarakat Iban mendiami kawasan tanah pamah berhampiran dengan laut dan juga sungai. Pemilihan kawasan tersebut bukan sahaja bagi memudahkan mereka membina petempatan, tetapi memudahkan juga aktiviti pertanian tetap, khasnya penanaman padi paya. Kawasan-kawasan tersebut memang padat dengan penduduknya yang terdiri daripada kaum Melayu, Iban dan Cina. Antara tempat-tempat yang terletak di kawasan tersebut ialah tanah pamah Tanjung Bijat, Bakong, Stumbin, Pantu, Lingga dan Sebuyau.

Kawasan petempatan pertama orang-orang Iban yang berhijrah dari Kapuas ke Sarawak ialah Kawasan Batang Sungai Undop. Dari zaman dahulu hingga kini, kawasan tersebut memang padat penduduknya. Kawasan Batang Undop meliputi Nanga Undop Sri Aman hingga ke Gunung Tiang Laju di-Engkilili dalam Daerah Lubuk Antu. Di bahagian hilir, iaitu Nanga Undop, muara Sungai Undop (sungai air tawar) itu bertemu dengan Sungai Batang Lupa (sungai air masin) manakala di bahagian hulu sungai tersebut, sungai itu bermula di bahagian kaki gunung Tiang Laju. Di kawasan ini, terdapat lebih daripada seratus buah rumah panjang Iban yang kebanyakannya dibina di sepanjang tepi-tepi Sungai Batang Undop. Hal ini kerana pada zaman dahulu orang Iban menggunakan sungai sebagai jalan perhubungan utama ke pekan Simanggang dan juga ke tempat-tempat lain.

Masyarakat Iban gemar mencari petempatan baru bagi membolehkan mereka menanam padi bukit dan paya untuk memudahkan mereka memburu binatang yang boleh dijadikan makanan. Justeru itu, orang Iban suka mengembara dari satu tempat ke satu tempat yang lain untuk mendapatkan kehidupan yang lebih

sempurna. Suatu ketika dahulu, mereka amat terkenal dengan keberanian pahlawan-pahlawan mereka yang memenggal kepala musuh semasa dalam peperangan.

Pada era dahulu, kebanyakan orang Iban tinggal di rumah panjang yang dibina daripada kayu belian dan pelbagai jenis kayu yang lain. Tempoh mereka mendiami sesebuah rumah panjang tersebut dianggarkan antara 30 hingga 40 tahun. Selepas itu, mereka akan membina petempatan baru yang berlainan daripada tempat asalnya. Tetapi, pada masa kini, orang Iban jarang-jarang didapati tinggal di rumah panjang yang diperbuat daripada kayu, tetapi mereka membina rumah panjang dengan menggunakan batu-bata dan simen. Pada masa ini, bentuk rumah panjang mereka telah bercorak moden, malah sesetengahnya mengalahkan rumah teres yang dibeli di bandar-bandar. Menurut profil Bahagian Sri Aman tahun 2002, terdapat lebih kurang 331 buah rumah panjang di Bahagian Sri Aman yang kesemuanya didiami oleh kaum Iban sahaja.

Di kawasan bandar pula, majoriti penduduknya kaum Cina yang menjalankan perniagaan. Namun demikian, terdapat beberapa buah kampung kaum Melayu, contohnya Kampung Hulu, Kampung Tengah dan Kampung Hilir. Walau bagaimanapun, pada masa ini, terdapat banyak kawasan perumahan yang dibina di kawasan bandar Sri Aman. Kebanyakan pembelinya terdiri daripada orang Iban, Cina dan Melayu dan mereka ini sebahagian besarnya kakitangan kerajaan.

Daerah Lubok Antu meliputi daerah kecil Engkilili hingga ke Ulu Batang Ai atau Jengin yang menjadi sempadan Sarawak dengan negara Indonesia. Dari Engkilili hingga ke pekan Lubok Antu, penduduknya agak padat hasil daripada kemajuan pesat di kawasan tersebut. Misalnya, terdapat pembinaan empangan hidro elektrik Batang Ai dan Hilton Longhouse Resorts Batang Ai. Kewujudan pusat pelancongan ini menarik ramai penduduk ke kawasan itu kerana dapat mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Contoh-contoh

peluang pekerjaan ialah pekerjaan dalam industri perhotelan, seperti pengurus hotel, pengurus bahagian kewangan, pengurus bahagian makanan, pengurus bahagian penginapan dan pemandu pelancong hingga di peringkat pekerja am. Manakala di empangan hidro elektrik Batang Ai wujud peluang pekerjaan, misalnya, pegawai-pegawai penyelenggaraan, jurutera, akauntan, kerani dan jurutaip.

Menurut banci penduduk tahun 2000, penduduk majoriti di Bahagian Sri Aman ini ialah suku kaum Iban, diikuti oleh suku kaum Melayu, Cina, Bidayah, Melanau, dan lain-lain.

Asal Usul Turun Kitai Mensia Ari Sebai (Asal Usul/Salasilah Keturunan Orang Iban)

Menurut Aki Jemat Umpor, yang berasal dari Emperan Guntor Kalimantan Barat, Indonesia, (warganegara Malaysia) bahawa asal usul keturunan orang Iban ialah dari keturunan seorang tuan puteri Iban yang bernama Sebai Tabu Ragi Pelempai Punggai Benang Bernyala. Beliau berkahwin dengan Bujang Ilang Menyawai Telajan Langit Landai dan mempunyai anak bernama Kumbang Menua kemudiannya berkahwin dengan Layang Langit dan mempunyai anak bernama Bintang Terbang dan berkahwin dengan Ketugan Bulan mempunyai anak bernama Sereguntom kemudian berkahwin dengan Kutok Empat mempunyai anak bernama Tegulom dan berkahwin dengan Sepunggang Batang dan mempunyai anak bernama Aji Kuning Ensuwi dan kemudiannya berkahwin dengan Dara Kumang Mericha dan mempunyai anak bernama Raja Nira Rengkang Aji berani Ngilah Orang dan kemudian berkahwin dengan Kechendong Ambong Bulan Menarang Pisit Danyam kemudian mempunyai anak bernama Lek Perintek Rekong Lang Sengalang Burung (Sengalang Burung merupakan *petara* orang Iban) kemudiannya berkahwin dengan Kechendai Lawai Pantak Jirak Dara Entaba Malon Kupak dan mempunyai anak bernama Mangkok

Engcherebok China Tinchin Salin Temaga dan kemudiannya berkahwin dengan Bebuku Borek Bulu Burung Ketupong dan mempunyai anak bernama Yak Bongsu Anak Ketupong Labang dan kemudian berkahwin dengan Garai dan mempunyai anak bernama Gom dan berkahwin dengan Serani Bongsu Ular Tedong Tenaga Umbang dan mempunyai anak bernama Tumbai dan berkahwin dengan Demit Indu Di Bukit Remayang dan mempunyai anak bernama Nyimbong dan kemudiannya berkahwin dengan Dapong Indu Ketupong Lullong Arang dan mempunyai anak bernama Tinin dan berkahwin dengan Nyala Indu Kerapa Lulong Jangkang. Kemudiannya mempunyai anak bernama Mangka dan berkahwin dengan Dayang Ilam Nyabak Semalam Pecah Danyam Jebol Kepemandang dan mempunyai anak bernama Nading Keling dan berkahwin dengan Mawas Indu Teras Titi Nunggang dan mempunyai anak bernama Rusoh dan berkahwin dengan Mawas dan mempunyai anak bernama Sumbang dan kemudiannya berkahwin dengan Awa dan mempunyai anak bernama Mawan dan berkahwin dengan Leja dan mempunyai anak bernama Bedina dan berkahwin dengan Benang dan mempunyai anak bernama Luang, kemudian berkahwin dengan Bedina dan mempunyai anak bernama Bedaru dan kemudiannya berkahwin dengan Tegaya dan mempunyai anak bernama Ingni Rai dan kemudiannya berkahwin dengan Andau dan mempunyai anak bernama Muntai, berkahwin dengan Lemok dan mempunyai anak bernama Jibat dan kemudiannya berkahwin dengan Siran dan mempunyai anak bernama Lumit dan berkahwin dengan Dabong dan mempunyai anak bernama Simpai dan Miya (Simpai dan Miya merupakan dua orang adik-beradik, mereka ialah datuk dan nenek kepada pengkaji) kemudiannya berkahwin dengan Penguang, iaitu keturunan Simpai dan Miya tadi, dan ini ialah keturunan dari Dara Bongsu, iaitu adik kepada Mangkok Engcherebok China Tinchin Salin Temaga. Kemudian Dara Bongsu berkahwin dengan Kaya Pemancha dan mempunyai anak bernama Telur Aur dan Radin Tanjung.

Kemudiannya Radin Tanjung berkahwin dengan Dayang Nur dan mempunyai anak bernama Ambau dan kemudiannya berkahwin dengan Rambias dan mempunyai anak bernama Ganggong dan berkahwin dengan Pedana dan mempunyai anak bernama Jampi dan kemudiannya berkahwin dengan Undie dan mempunyai anak bernama Awan dan kemudiannya berkahwin dengan Bulan dan mempunyai anak bernama Puteng dan kemudiannya berkahwin dengan Pantai dan mempunyai anak bernama Peria dan berkahwin dengan Geruna dan mempunyai anak bernama Bejau dan kemudiannya berkahwin dengan Buah dan mempunyai anak bernama Empana, kemudiannya berkahwin dengan Rungghah dan mempunyai anak bernama Mubah dan berkahwin dengan Kuyan dan mempunyai anak bernama Singgah dan kemudiannya berkahwin dengan Lapek, mempunyai anak bernama Mipau dan kemudiannya berkahwin dengan Candang dan mempunyai anak bernama Penguang dan berkahwin dengan Miya dan mempunyai anak bernama Bajut.

Kemudian keturunan dari Bungkong Menalu ini, iaitu adik kepada Ketugan Bulan dan anaknya dengan Kutok Empat, Bungkong Menalu kemudiannya berkahwin dengan Ribus Nyepu dan mempunyai anak bernama Dayang Sepuntang Benang dan kemudiannya berkahwin dengan Demong Nutop dan mempunyai anak bernama Guntor Baju Bindu dan kemudiannya berkahwin dengan Indu di Ulu Tampon Tulang dan mempunyai anak bernama Enteri Bandar dan kemudiannya berkahwin dengan Seri Bangi dan mempunyai anak bernama Radin Nungku Mubok Nanga Entulu Molah Lampu Terbuka Terang dan kemudiannya berkahwin dengan Dayang Idah Mubok Nanga Mukah dan mempunyai anak bernama Senaun Tunjuk Ketok Penatuk dan kemudiannya berkahwin dengan Serebungkok Pemubok Nanga Rajang dan mempunyai anak bernama Raja Ningkan dan berkahwin dengan Munah dan mempunyai anak bernama Gerabu dan kemudiannya berkahwin dengan Chanda dan mempunyai anak bernama Belaka dan

kemudiannya berkahwin dengan Belangkat dan mempunyai anak bernama Tamoh Suluh dan kemudiannya berkahwin dengan Lasom dan mempunyai anak bernama Rendong dan kemudian berkahwin dengan Lamsam dan mempunyai anak bernama Lenginda dan kemudiannya Lenginda berkahwin dengan Jantan dan mempunyai anak bernama Gurut dan kemudiannya berkahwin dengan Duri dan mempunyai anak bernama Rampai dan kemudiannya berkahwin dengan Katie dan mempunyai anak bernama Lundang dan kemudiannya berkahwin dengan Encik dan mempunyai anak bernama Basan dan kemudiannya berkahwin dengan Temaga dan mempunyai anak bernama Tawai dan kemudiannya berkahwin dengan Perada dan mempunyai anak bernama Juna dan kemudiannya berkahwin dengan Ngangga dan mempunyai anak bernama Banyu kemudiannya berkahwin dengan Mawan dan mempunyai anak bernama Melayu dan berkahwin dengan Payah dan mempunyai anak bernama Ingni Magai kemudiannya berkahwin dengan Mawan, iaitu keturunan isteri kepada Jemat Umpor (datuk kepada penulis).

Kemudian anak Seri Bangi dengan Enteri Bandar, mempunyai anak bernama Raja Tindit Tau Nidit Langit, Seriam dan Chala. Kemudian Chala berkahwin dengan Engga dan mempunyai anak bernama Beraoh dan kemudiannya berkahwin dengan Berunsai dan mempunyai anak bernama Bedana dan kemudiannya berkahwin dengan Ganggong tadi. Kemudian Chala adik kepada Ensima berkahwin dengan Rapat dan mempunyai anak bernama Salu dan kemudiannya berkahwin di Sentang dan turun ke laut dan kemudian mempunyai anak bernama Lipih dan kemudiannya berkahwin di Tawang (nama sebuah tempat yang terdapat di bahagian Sri Aman) turun ke laut, dan mempunyai anak bernama Rinta dan kemudiannya berkahwin di Nanga Rian Ngelayang turun ka Kantu dan mempunyai anak bernama Sudau dan kemudian berkahwin di Semanchau (nama sebuah tempat yang terdapat di Kantu, Indonesia). Ramunai ialah dipercayai keturunan penulis dan kemudiannya

berkahwin dengan Malang dan mempunyai anak bernama Jantan dan kemudiannya berkahwin dengan Duri serta mempunyai anak bernama Kati dan pada akhirnya berkahwin dengan Rampai, iaitu sampai kepada keturunan bapa Si Puteng itu tadi, iaitu keturunan orang Iban. Apabila melihat kepada salasilah keturunan orang Iban yang tersebut di atas ini, kebanyakan nama-nama orang Iban itu ada berkait-rapat dengan kosmologi dan agama serta kepercayaan dalam masyarakat Iban.

Amalan Dan Nilai Budaya Iban Di Rumah Panjang

Menurut Miya Dabong, sejak zaman dahulu sehingga ke hari ini, masyarakat Iban di kawasan penyelidikan ini masih mengamalkan kediaman di rumah panjang. Pada lazimnya, rumah panjang orang Iban diperbuat daripada kayu belian, khususnya pada bahagian tiang rumah, atap, lantai dan dinding-dindingnya. Pada zaman dahulu, biasanya rumah-rumah panjang orang Iban didirikan di tepi-tepi sungai dan di kawasan tanah pamah. Hal ini untuk memudahkan penduduk rumah panjang tersebut mendapatkan bekalan air bersih dan makanan (ikan air tawar) dari sungai-sungai itu.

Kediaman orang di rumah panjang amat menekankan konsep kesejahteraan, perpaduan dan keharmonian hidup. Sebuah rumah panjang mempunyai seorang ketua yang dikenali sebagai *Tuai Rumah* atau Ketua Kampung. *Tuai Rumah* adalah bertanggungjawab untuk menentukan kelancaran dan kejayaan dalam mentadbir pelbagai kegiatan seharian yang dijalankan di sesebuah rumah panjang itu. Selain itu, *Tuai Rumah* berperanan penting bagi menguatkuasakan adat dan peraturan rumah panjang, dan menjadi pemimpin utama dalam usaha menyelesaikan sebarang permasalahan yang timbul dalam kalangan rakyatnya yang dipimpin beliau, sekiranya berlaku salah faham antara penghuni di rumah panjang itu. Apabila terdapat berlaku perselisihan faham antara penghuni, perkara itu akan diselesaikan

secara toleransi antara kedua-dua belah pihak, iaitu melalui perbincangan dan rundingan yang diadakan secara muafakat.


Pada masa ini, jawatan *Tuai Rumah* diiktiraf oleh pihak kerajaan, iaitu lantikan surat tawaran secara rasmi daripada pihak kerajaan kepada individu tertentu yang telah dipilih oleh seluruh ahli rumah panjang dan *Tuai Rumah* dibayar elaun bulanan sebanyak RM450 sebulan, iaitu sejak kira-kira lima tahun yang lalu. Dalam hal ini, *Tuai Rumah* bukan saja memainkan peranan penting dalam komuniti masyarakat yang dipimpinnya di rumah panjang, malah beliau juga memainkan peranan sebagai wakil perantara di antara pihak kerajaan dengan masyarakat di rumah panjang. Contohnya, menjadi wakil penduduk di rumah panjang untuk memohon bantuan dari Jabatan Pertanian berkenaan dengan keperluan dalam aktiviti pertanian.

Di sesebuah rumah panjang Iban, persengketaan antara ahli-ahli atau penghuni rumah panjang jarang-jarang sekali berlaku yang boleh mengakibatkan perkelahian yang serius atau berpanjangan. Hal ini kerana setiap penghuni rumah panjang mempunyai sikap hormat-menghormati yang amat tinggi dan adanya sikap perpaduan, tolong-menolong, bertimbangrasa, sopan-santun dan sikap tolak ansur yang amat tinggi yang mereka amalkan sejak sekian lama. Antara nilai mendasari amalan kehidupan mereka ialah nilai muafakat, perpaduan, bekerjasama, percaya dan mempercayai, tolong-menolong, sikap tolak ansur, hormat-menghormati, bertanggungjawab, sifat berani, sifat bersopan-santun di samping mengamalkan adat resam, agama dan kepercayaan serta pantang-larang orang Iban yang unik dan tersendiri.

Perkara yang berkaitan dengan perpaduan antara penghuni dapat dipupuk menerusi semangat kekitaan dan kerjasama, sikap hormat-menghormati antara semua penghuni rumah panjang tersebut. Sesebuah rumah panjang biasanya didiami oleh sepuluh atau lebih keluarga, dan setiap keluarga itu mempunyai bilik masing-masing. Hampir semua penghuni di sesebuah rumah panjang itu mempunyai pertalian keluarga yang rapat antara satu sama lain.

Setiap bilik di rumah panjang Iban terbahagi kepada beberapa ruang atau bahagian tertentu. Antaranya, *bilik besai* (ruang tamu), *pelabuh* (bahagian dapur), *tumpuan* (ruang kecil), *ruai* (ruang legar yang berbumbung dan berinding), dan *tanju* (bahagian hadapan rumah panjang tidak berbumbung). Menurut Miya Anak Dabong, pada zaman dahulu, setiap bilik di sesebuah rumah panjang dibuat dengan sebuah laluan khas berupa pintu atau *penyengok* (jendela). Pintu tersebut dibina bertujuan khas sebagai jalan atau laluan keluar masuk antara ahli keluarga kedua-dua belah pihak daripada satu bilik ke satu bilik yang lain, manakala *penyengok* itu tadi berfungsi sebagai laluan bagi memudahkan antara ahli keluarga jiran menyumbang dan memberi sebarang bentuk keperluan makanan, seperti ikan, binatang hasil buruan dan sebagainya. Keadaan ini memperlihatkan bahawa kehidupan orang Iban di rumah panjang tidak menampakkan sebarang kesangsian terhadap kejujuran dan keikhlasan antara jiran-jiran sebelah-menyebelah tentang aspek kecurian harta benda yang dimiliki ahli keluarga masing-masing. Hal ini kerana adanya sifat hormat-menghormati dan percaya-mempercayai yang amat tinggi dalam kalangan orang Iban. (Lihat Rajah 2). Orang Iban amat mementingkan keharmonian dan tali persaudaraan yang baik. Dalam hal ini, orang Iban biasanya berjumpa antara satu sama lain di *ruai-ruai* pada waktu siang atau malam di rumah panjang kerana *ruai* dianggap sebagai tempat penting untuk mereka berkongsi idea, kejayaan, kegembiraan dan pengalaman hidup. Salah satu kegiatan utama yang dilakukan di *ruai* ialah penenunan kain pua. Biasanya wanita atau penenun pua mengadakan ritual pembuatan kain pua di *ruai-ruai* mereka masing-masing kerana *ruai* merupakan tempat yang luas dan memudahkan mereka menjalin hubungan rapat serta komunikasi berlaku dengan lancar antara mereka di rumah panjang. Selain itu, *ruai* juga menjadi tempat utama untuk menjalankan ritual-ritual *gawai* yang terdapat di dalam masyarakat Iban.

Rajah 2: Struktur/Bahagian-Bahagian Bilik Di Dalam Rumah Panjang Iban



Menurut Tugang Rima, dalam budaya Iban, amalan dan hukum adat ialah sistem undang-undang tradisi yang diamalkan untuk mewujudkan peraturan hidup yang lebih baik dalam kalangan orang Iban. Ia merupakan sistem pengurusan dan pentadbiran yang bertujuan merealisasikan perpaduan, kesejahteraan, kemakmuran, kesempurnaan dan keharmonian semasa di rumah panjang. Hukum adat dilaksanakan di rumah-rumah panjang untuk mengurangkan konflik dan ketegangan

dalam kalangan mereka. Konsep perpaduan dan hukum adat bagi orang Iban merujuk kepada peraturan-peraturan, undang-undang, amalan tradisi turun-temurun yang perlu dihormati, pantang-larang dan prinsip-prinsip tertentu untuk menjaga, mengawal dan melindungi ahli-ahli keluarga di rumah panjang. Dalam kehidupan orang Iban di rumah panjang, peraturan-peraturan itu meliputi ruang lingkup semua aspek kehidupan sehari-hari, seperti kegiatan sosial, ekonomi, agama dan kepercayaan dan juga politik.

Sejak zaman dahulu, orang Iban amat mementingkan adat resam dalam kehidupan mereka. Bagi mereka, adat resam bukan sahaja satu nilai dan norma asas penting di dalam kehidupan, malah satu bentuk kawalan sosial yang menjadi tunjang utama dalam kalangan orang Iban, iaitu setiap ahli keluarga perlu mematuhi dan mengamalkannya. Pengamalan adat bukan sahaja penting dalam hubungan antara manusia dengan manusia, malah antara manusia dengan *petara-petara* dan kuasa luar biasa lain, dan fenomena alam secara universal adalah wajib dipelihara pada setiap masa. Orang Iban yang tinggal bersama-sama di dalam sebuah rumah panjang memerlukan adat dan peraturan dalam mengawal tingkah laku, tutur kata, budi bicara, dan perhubungan yang telah terjalin dalam kalangan penghuni rumah panjang agar kesejahteraan, keharmonian dan keamanan sentiasa terpelihara. Hal ini kerana bagi orang Iban, sekiranya budaya tradisi itu tidak dipelihara, ia boleh mendatangkan keadaan yang kacau-bilau antara sesama mereka di rumah panjang itu. Didapati, cara kehidupan orang Iban di rumah panjang amat menekankan konsep perpaduan, kerjasama, hormat-menghormati dan keharmonian seperti yang dapat dilihat daripada amalan, corak dan bentuk petempatan mereka dari dahulu hingga kini.

Memilih Jodoh, Merisik dan Adat Nikah Kahwin

Menurut Miya Dabong, dalam sesebuah keluarga masyarakat Iban, keluarga yang ternama dan kaya-raya, khasnya ibu kepada anak lelaki bujang mereka amat memilih menantu dalam usaha memilih dan menentukan soal jodoh anak bujang mereka. Kriteria utama ialah ibu bapa mereka hanya memilih bakal atau calon menantu dari golongan gadis-gadis yang hanya pandai bertenenun, pandai *ngebat*, pandai *nyungkit* kain pua sahaja, yang bermaksud bahawa seseorang gadis itu yang hendak dijadikan menantu wajib memiliki kemahiran dan kepakaran luar biasa menenun kain pua, baru boleh dijadikan menantu. Hal ini kerana anak lelaki bujang mereka merupakan keturunan orang Iban yang kaya-raya, gagah berani sebagai pahlawan Iban yang ulung yang telah berjaya memenggal banyak kepala musuh. Justeru itu, bakal isteri anak bujang tersebut hendaklah seorang gadis yang memiliki paras rupa wajah yang cantik, berhemah tinggi, mahir dan pakar menenun kain pua. Dalam budaya Iban, bujang berani harus dijodohkan dengan anak gadis yang pakar menenun kain pua, jika tidak ia dikatakan tidak sama padan. Faktor ini dipengaruhi oleh situasi apabila suaminya balik daripada *ngayau* (ekspedisi memenggal kepala musuh) maka kepala musuh itu perlu disambut oleh isterinya sahaja menggunakan kain pua yang ditenen sendiri.

Menurut Miya Dabong, oleh sebab itu, ibu kepada anak bujang orang Iban sering kali mengungkapkan ungkapan berbunyi "*ngiga indu dara ambi ka menantu ia ka tau telepong ka ai ngena tampuk lemba*" yang bermaksud hanya mencari gadis Iban yang memiliki kepakaran luar biasa menenun, dan banyak menenun kain pua sahaja layak untuk dijadikan menantu mereka. Diibaratkan kalau tali lemba itu dibuang ke dalam sungai, maka air sungai itu terus dipenuhi dan dibanjiri atau bertakung, seperti sebuah empangan, iaitu air di dalam sungai itu tidak dapat mengalir lagi kerana telah ditakung atau dipenuhi oleh tali

lemba yang telah digunakan oleh gadis tersebut *mengebat* kain pua kumbu mereka. Hal ini menunjukkan betapa pandai gadis itu menenun kain pua kumbu.

Gadis tersebut pakar *mengebat* kain pua kumbu, pakar menenun kain pua *pilih*, dan pakar menenun kain pua *sungkit*. Sekiranya gadis itu pandai menenun pua, barulah keluarga pihak lelaki itu sudi datang untuk masuk meminang Si gadis untuk dijadikan menantu mereka. Menurut Tani Anak Adar, pada zaman dahulu, tiap-tiap hari wanita Iban pergi mencari daun *lemba* di hutan untuk *mengebat* kain pua kumbu kerana jika tidak pandai menenun kain pua, tiada siapa yang sudi datang meminang anak gadis tersebut dan tiada siapa yang sudi untuk bermenantikan gadis berkenaan. Kata orang Iban *indu malas enggau orang penetak manoh penyadong lauk* yang bermaksud gadis yang pemalas dan tidak mahir menenun kain pua, sering menjadi buah mulut orang di rumah panjang itu.

Nilai muafakat, bergotong-royong dan kerjasama pula dapat dilihat dengan jelas dalam urusan perkahwinan. Mengikut tradisi, pihak lelakilah yang seharusnya berjumpa dengan pihak perempuan dan mengemukakan cadangan tentang soal perkahwinan itu. Pada peringkat awal, rombongan kecil yang terdiri daripada saudara-mara yang terdekat sahaja atau *bebungan ka jako* (merisik dan melamar) akan menemui pihak perempuan di rumah panjang terbabit. Dalam konteks ini, kalau pihak perempuan bersetuju, seterusnya akan dihantar perutusan khas yang berikutnya, iaitu *nanya indu*, iaitu rombongan yang datang meminang perempuan tersebut bagi menentukan sama ada perempuan itu bersetuju ataupun tidak. Sekiranya bersetuju, mereka akan menetapkan tarikh perkahwinan dilangsungkan. Lazimnya majlis perkahwinan itu dilakukan di rumah pihak pengantin perempuan. Dalam konteks ini, pihak lelaki tidak dibenarkan hadir sama ada semasa merisik, bertunang mahupun semasa hari perkahwinan itu dilangsungkan. Biasanya majlis persandingan itu dijalankan di rumah

panjang pengantin perempuan. Semua ahli keluarga pengantin lelaki biasanya akan bertandang ke rumah pengantin perempuan dengan membawa pelbagai barangan keperluan tersebut. Terdapat satu perkara yang amat unik tentang perkahwinan orang Iban, bahawa bakal pengantin lelaki dan perempuan tidak pernah bersua muka sebelum ini sehinggalah kepada selepas majlis persandingan itu selesai, barulah mereka mengenal antara satu sama lain. Menurut Miya Dabong, sebaik sahaja pengantin perempuan tiba di rumah panjang pengantin lelaki, pengantin lelaki tersebut tidak boleh melihat pengantin perempuan. Oleh sebab itu, dikatakan terdapat pengantin lelaki yang tidak sabar-sabar untuk melihat paras rupa wajah isterinya, hanya berkesempatan untuk curi-curi menghendap melalui celah-celah dinding papan rumah panjang tersebut. Dalam adat nikah kahwin, orang Iban amat mementingkan keselamatan nyawa pengantin perempuan daripada sebarang ancaman semangat jahat. Justeru itu, semasa dalam perjalanan membawa pulang pengantin perempuan ke rumah panjang pengantin lelaki, anggota badan pengantin perempuan perlu dilindungi dengan kain pua kumbu, iaitu kain pua digantung menyerupai bumbung di atas perahu yang digunakan untuk membawa pengantin perempuan tersebut. Ia bertujuan bagi menjaga, mengawal dan melindungi keselamatan nyawa pengantin perempuan daripada diganggu semangat-semangat jahat. Begitu juga perkara yang serupa dilakukan jika pengantin perempuan dibawa menggunakan jalan darat, iaitu pengantin perempuan ditudung dengan kain pua kumbu yang dibuat dalam bentuk payung.

Menurut Tugang Rima, dalam budaya Iban, sebelum upacara perkahwinan yang sebenar dilangsungkan, isu *nguai* atau *ngugi*, iaitu dengan keluarga dan tempat pasangan itu akan tinggal kelak adalah wajib diselesaikan terlebih dahulu. Isu *nguai* atau *ngugi* amat penting dan hendaklah diselesaikan untuk mengelakkan perselisihan faham dan pergaduhan antara ahli keluarga di kemudian hari kelak. Menurut

tradisi, anak lelaki sulung dalam sebuah keluarga harus membawa isterinya tinggal bersama-sama keluarga asalnya dan beliau harus bertanggungjawab menjaga dan memajukan keluarga yang didiaminya. Hal ini amat penting kerana anak lelaki sulung biasanya yang akan menjaga ibu bapa mereka. Anak lelaki sulunglah yang menjadi pewaris hak milik harta dan tanah pusaka, contohnya tanah adat, senapang dan harta benda yang lain. Ternyata, nilai muafakat dan toleransi yang amat tinggi diamalkan dalam kehidupan mereka di rumah panjang.

Mereka juga lebih bertolak ansur dalam pelbagai urusan, iaitu satu-satu pihak harus mengalah dan hormat kepada pihak yang lain berdasarkan keutamaan. Biasanya keluarga yang mempunyai ramai anak akan menyerah kepada keluarga yang mempunyai kurang anak apabila isu *nguai* atau *ngugi* dibincangkan. Tujuannya adalah untuk memelihara dan mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian yang sedia ada dalam kalangan masyarakat Iban.

Indu Tangkap Indu Berap

Pada zaman dahulu, terdapat suatu adat yang amat unik untuk memilih bakal menantu. Adat ini hanya dipraktikkan oleh sesetengah masyarakat Iban sahaja, misalnya masyarakat Iban di Lubuk Antu. Menurut Tani Anak Adar, pada zaman dahulu, keluarga orang Iban yang ternama dan kaya-raya memilih bakal menantu dengan cara *indu tangkap indu berap* yang membawa maksud melarikan gadis itu dengan tujuan dijadikan menantu, semata-mata untuk mendapatkan nama dan gelaran serta status sosial tertinggi dalam kalangan masyarakat Iban. Kaedah *indu tangkap indu berap* ini hanya layak dilakukan oleh keluarga orang Iban yang berada atau kaya-raya sahaja kerana mereka hanya ingin mendapatkan nama dan status sosial tertinggi dalam masyarakat Iban.

Pada lazimnya, kaedah mendapatkan menantu dengan cara *indu tangkap indu berap* ini ialah dengan melarikan gadis itu tidak kira sama ada gadis tersebut sedang bangun tidur sambil membuka kelambunya, sedang mandi dan mengangkat air dari sungai ataupun sedang menyidai pakaian di *tanju* (bahagian ruang legar rumah panjang tidak berbumbung) atau pun tidak kira sama ada gadis itu bersetuju ataupun tidak. Kerja melarikan gadis tersebut biasanya dilakukan pada awal pagi. Gadis itu dilarikan dengan tujuan keluarga orang Iban yang ternama dan kaya-raya ingin *ngiga nama*, *ngiga rita* yang bermaksud melarikan gadis bukan untuk dibunuh, bukan dijadikan hamba abdi, tetapi dilarikan bertujuan untuk dijadikan bakal menantu untuk mendapatkan nama dan status sosial tertinggi dalam masyarakat Iban. Dalam adat masyarakat Iban, dengan berbuat demikian, keluarga itu akan beroleh gelaran dan status baru *bulih indu tangkap indu berap* (berjaya mendapat menantu gadis cantik dan pandai menenun kain pua).

Mendapat menantu menggunakan kaedah *indu tangkap indu berap* merupakan perkara yang amat sukar dilakukan kerana perlu melalui tiga proses utama, iaitu setelah berjaya membawa lari gadis itu, kalau ia dilakukan di dalam bilik, maka keluarga lelaki tersebut perlu meninggalkan harta pusaka kepada keluarga gadis itu seperti *bebendai* (sejenis alat muzik Iban menyerupai gong). Langkah seterusnya ialah apabila gadis itu tiba di kaki tangga rumah panjang, keluarga lelaki itu perlu meninggalkan sebuah gong, dan langkah yang terakhir ialah apabila gadis itu tiba di tepian mandi, maka keluarga lelaki itu perlu meninggalkan *antu pala* (tenggorak kepala musuh) kepada keluarga perempuan. Keluarga pihak perempuan tetap mengejar mereka yang melarikan anak gadis tersebut sehingga mereka yang melarikan gadis itu berhenti seketika untuk sama-sama bersetuju berbincang secara aman bagi mencari jalan penyelesaian. Menurut Uma Kujat, biasanya keluarga orang Iban yang kaya-raya, lelaki tampan,

bujang gagah berani pahlawan Iban perlu mencari jodoh dengan gadis yang cantik dan memiliki kemahiran dan kepakaran luar biasa menenun kain pua untuk membolehkan isterinya menyambut *antu pala* (menyambut kepala musuh yang dipenggal).

Menurut Tani Adar, walaupun gadis itu tidak bersetuju untuk dikahwinkan dengan anak lelaki mereka, namun gadis tersebut tetap juga dibawa balik ke rumah panjang lelaki tersebut. Jika gadis itu dibawa dengan menaiki perahu, perahu tersebut perlu berbumbungkan kain pua kumbu untuk menudung kepala gadis tersebut supaya gadis itu dilindungi, dijaga keselamatannya daripada gangguan semangat jahat dan begitu juga jika mereka menggunakan jalan darat. Setelah selamat sampai di rumah panjang keluarga lelaki, pada malam itu juga mereka dinikahkan. Sekiranya mereka bercerai (gadis itu balik ke pangkuan keluarganya) belum mencapai genap tujuh hari, maka semua harta pusaka yang telah ditinggalkan kepada keluarga gadis itu perlu dipulangkan semula kepada pihak keluarga lelaki. Tetapi sekiranya mereka bercerai selepas tujuh hari, maka harta tersebut tidak perlu dipulangkan semula kepada keluarga lelaki.

Melahirkan Anak

Nilai kerjasama ini juga dapat dilihat dalam perkara-perkara yang lain, contohnya sewaktu seorang ibu hendak melahirkan anak. Sekiranya saat-saat kelahiran adalah tanpa kehadiran bidan yang bertauliah, si ibu akan diberi pertolongan oleh bidan rumah panjang dan akan dibantu oleh beberapa orang perempuan yang berpengalaman dalam bidang tersebut. Dalam masyarakat Iban, bidan dikategorikan kepada dua kategori utama, iaitu kategori bidan perempuan dan juga kategori bidan lelaki. Di rumah panjang, bidan lelaki ini sangat mahir dalam usaha untuk membantu wanita-wanita Iban yang hendak bersalin. Dalam hal ini dapat dilihat bahawa kerjasama bukan sahaja dalam

perkara-perkara yang berkaitan dengan upacara, perayaan atau ritual-ritual Iban, tetapi juga merangkumi perkara-perkara atau pada waktu kesulitan sesuai dengan pepatah 'yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing'.

Tetamu dan Tuan Rumah

Selain daripada itu, orang Iban juga ialah masyarakat yang amat tebal dengan sikap dan semangat hormat-menghormati, berbudi pekerti, dan berhemah tinggi. Orang Iban amat menghormati tetamu atau pelawat yang berkunjung ke rumah panjang mereka. Layanan baik terhadap tetamu amat diberi keutamaan di rumah panjang itu. Bak kata pepatah orang Iban, 'haiwan yang sesat pun diberi makan, inikan pula manusia'.

Di pihak tetamu juga, mereka harus menghormati tuan rumah. Misalnya, sebelum berkunjung ke rumah panjang Iban, tetamu haruslah bertanya terlebih dahulu sama ada di rumah panjang itu dikenakan peraturan atau pantang-larang tertentu. Kalau tidak dikenakan apa-apa peraturan, undang-undang atau pantang-larang, tidaklah salah bagi pengunjung itu naik, dan seterusnya menanyakan sama ada orang atau keluarga yang akan dikunjungi itu ada atau sebaliknya. Sebagai tanda hormat, tetamu hendaklah menanggalkan kasut atau selipar sebelum masuk ke bilik keluarga yang dikunjunginya dan duduk, iaitu bersimpuh (*duduk pipi*), dan bertutur kata dengan cara yang sopan. Orang lelaki pula seharusnya duduk bersila sebagai tanda hormat. Lazimnya, orang lelaki hendaklah duduk di *ruai*, iaitu ruang legar di bahagian hadapan rumah panjang itu dan orang perempuan hendaklah di bawa masuk ke dalam bilik. Tuan rumah juga menghormati tetamu dengan cara menghidangkan makanan dan minuman.

Dalam pada itu, tetamu dianggap tidak sopan, biadab, sombong serta tidak berterima kasih sekiranya menolak hidangan tersebut tanpa

sebarang sebab munasabah, melainkan dengan alasan larangan doktor atau larangan agama dan kepercayaan orang Iban itu sendiri. Masyarakat Iban juga telah ditanam dengan sifat-sifat berani dalam diri mereka sejak kecil lagi. Keadaan ini disebabkan cara kehidupan mereka pada masa dahulu yang selalu berpindah-randah dan terpaksa berhadapan dengan pelbagai musuh mereka. Sepertimana yang dikatakan sebelum ini, masyarakat Iban melayan para tetamu mereka dengan cara yang amat baik, namun demikian mereka menjadi begitu sensitif, cepat marah, dan akan bertindak agresif sekiranya maruah mereka dicabar, dicemari, diganggu, diperolok-olokkan dan dipersenda-sandakan oleh pihak lain.

Ngayau (Ekspedisi Memenggal Kepala Musuh)

Orang Iban hanya membunuh musuh mereka semasa pergi *ngayau* menentang musuh tradisional mereka atau menentang orang yang menghalang pergerakan mereka semasa mereka meluaskan kawasan atau berpindah ke tempat baharu. Dalam keadaan ini pun, mereka tidak akan membunuh sebarang musuh, malah kalau boleh mereka hanya memilih musuh lelaki dewasa untuk ditentang atau dibunuh, dan musuh perempuan pula mereka akan bawa balik ke rumah panjang.

Dalam masyarakat Iban, membawa balik kepala musuh yang telah dibunuh semasa *ngayau* dianggap sebagai suatu anugerah amat berprestij yang dikurniakan terhadap keberanian dan kepahlawanan lelaki Iban. Lazimnya, setelah mencapai kejayaan ini, seseorang lelaki itu akan digelar sebagai 'Bujang Berani', raja berani, atau pahlawan ulung. Fenomena ini juga dianggap sebagai satu peningkatan status sosial tertinggi dalam kalangan orang Iban dan mereka berhak diberikan penghormatan yang amat tinggi ketika ritual *gawai* atau perayaan-perayaan yang lain.

Mereka juga akan dikagumi dan dihormati oleh ahli masyarakat dan orang yang mengenalinya. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya sifat berani dalam kalangan lelaki Iban. Menurut Manin Matong, tradisi masyarakat Iban, lelaki yang balik dari medan perang akan disambut dengan menggunakan hamparan kain pua sebagai satu tanda penghormatan yang amat tinggi. Semua kepala musuh yang dibawa pulang dari medan perang itu biasanya akan direndam dengan air cuka, sebelum disalai di *ruai* rumah-rumah panjang.

Satu lagi nilai dalam masyarakat Iban ialah sifat bertanggungjawab. Sifat bertanggungjawab ini boleh dilihat dalam beberapa perkara. *Tuai Rumah* atau pihak suami sentiasa bertanggungjawab menjaga keharmonian dan keamanan anak-anak buahnya. Masyarakat Iban terlalu kuat berpegang kepada adat, kepercayaan dan pantang-larang tertentu. Setiap perkara yang dilakukan adalah bertunjangkan adat. Hal ini dapat dilihat seperti adat *ngayau*, adat ketika berlaku kematian, adat dalam perkahwinan, ritual *gawai* dan lain-lain lagi.

Ritual Gawai

Menurut Tugang Rima, agama dan kepercayaan orang Iban, *petara* atau kuasa luas biasa lain sesuatu elemen yang benar-benar wujud. Ia disembah dan dipuja melalui ritual *miring*, *penggap* (melagukan mantera serta *timang* (ayat-ayat suci) oleh *lembambang* (penyair) semasa menjalankan ritual *gawai*. Dalam masyarakat Iban, ritual *gawai* sebenarnya ialah masa untuk membuat pemujaan apabila rayuan, permohonan, seruan ataupun doa dibuat kepada *petara* atau kuasa luar biasa lain. Segala adat, kepercayaan, pantang-larang dan perayaan ini masih mendapat tempat di hati masyarakat Iban sehingga sekarang.

Masyarakat Iban juga mengamalkan sikap bekerjasama dan tolong-menolong dalam banyak perkara. Perkara ini boleh dilihat melalui ritual *gawai*. Ritual *gawai mandi rumah* (kenduri-kendara secara

besar-besaran sempena menduduki rumah baharu) misalnya, tidak dapat diadakan, melainkan semua keluarga di rumah panjang itu telah sama-sama bersedia dari segi penyediaan makanan ataupun wang untuk membeli barangan keperluan bagi menjayakan temasya itu. Semangat kerjasama itu, dapat dilihat dalam perayaan *gawai* yang lain seperti *gawai batu* dan *gawai kenyalang* atau *gawai burung*.

Adat Kematian

Semangat kerjasama yang jitu serta sikap tolong-menolong yang sentiasa diamalkan oleh orang Iban dapat dilihat dalam hal yang berkaitan dengan kematian. Apabila berlaku kematian, saudara-mara yang menerima berita ini diharapkan datang untuk menyumbangkan pelbagai bantuan. Mereka memberi sokongan, menolong keluarga si mati dengan apa-apa cara sekali pun yang termampu oleh mereka, termasuk membuat keranda, apatah lagi dalam masyarakat Iban keranda biasanya dibuat secara bergotong-royong. Selain itu, semasa dalam tempoh berkabung misalnya, sebagai tanda menghormati keluarga si mati, semua kegiatan yang berbentuk hiburan tidak boleh dijalankan di kawasan yang telah ditetapkan sebagai kawasan berkabung di sekitar rumah panjang itu.

Jika sesuatu majlis keramaian diadakan di rumah berkenaan, pihak yang menganjurkannya dikehendaki menebus kesalahan menanggukkan perkabungan dengan membayar denda adat yang dikenali sebagai *pemampul* atau *disedal'* (ditutup buat sementara waktu). Selain itu, keluarga terdekat si mati tidak boleh sama sekali memakai pakaian yang berwarna-warni dan sebarang bentuk perhiasan atau barang kemas. Mereka juga perlu menjauhkan diri daripada menghadiri jamuan, pesta atau pergi ke tempat-tempat hiburan bagi menghormati si mati.

Ekonomi Iban Di Rumah Panjang

Menurut Miya Dabong, pada zaman dahulu, kehidupan atau cara hidup orang Iban hanya diisi dengan bertanam padi bukit sahaja di sepanjang tahun, dan hanya selepas saja kerja-kerja penanaman padi bukit selesai, barulah orang Iban di rumah-rumah panjang melakukan kerja-kerja, seperti berburu binatang buruan di hutan rimba dan menangkap ikan di sungai-sungai yang berdekatan dengan rumah panjang mereka. Mereka tidak mempunyai sebarang pekerjaan lain selain daripada berburu binatang dan menangkap ikan. Oleh sebab itu, orang Iban mempunyai kemahiran berburu yang amat tinggi kerana mereka telah melakukan pekerjaan tersebut selama bertahun-tahun. Selain daripada aktiviti bertanam padi bukit, berburu binatang, menangkap ikan, orang Iban juga menjalankan suatu aktiviti penting yang amat berkait-rapat dengan agama dan kepercayaan mereka, iaitu mengadakan ritual-ritual *gawai* sebaik saja aktiviti penuaian padi bukit itu selesai. Pada kebiasaannya, ritual *gawai* itu dijalankan pada bulan Mei atau awal bulan Jun setiap tahun, iaitu sebelum aktiviti penanaman padi yang berikutnya bermula.

Bumai (Berhuma Padi Bukit)

Pada lazimnya, dalam kegiatan berhuma, orang Iban terlebih dahulu *ngamboh duku*, iaitu kerja-kerja membuat parang khas yang digunakan untuk menebas padi bukit. Menurut Uma Kujat, pada zaman dahulu, orang Iban *ngamboh duku* menggunakan sebilah besi khas berkualiti tinggi yang dibeli daripada Bandung, Indonesia. Semasa *ngamboh duku* dilakukan, orang Iban terlebih dahulu hendaklah mengadakan ritual *miring*. Kemudian, selepas itu orang Iban akan melakukan pemujaan tanah supaya tanah itu diberkati oleh *petara* Pulang Gana untuk memperolehi hasil tuaian padi yang lumayan dan

kegiatan itu dikenali sebagai *nukah tanah*. Apabila tiba waktu malam, orang Iban biasanya mencari dan menunggu arahan mimpi daripada kuasa-kuasa luar biasa, seperti *petara*, dewa-dewi, antu, semangat dan roh nenek moyang orang Iban yang telah meninggal dunia. Kemudian, orang Iban pergi *ngiga anak kayu kena beburong enggau burung nendak*, iaitu pergi mencari anak-anak kayu yang dipercayai membawa tuah kepada mereka. Sekiranya orang Iban mendengar burung nendak berbunyi dari sebelah kanan, mereka hendaklah mencabut tujuh batang anak kayu manakala apabila mereka terdengar dari sebelah kiri mereka perlu mencabut lima batang anak kayu.

Pada keesokan harinya, barulah orang Iban memulakan aktiviti *manggol*, iaitu bermulanya secara rasmi aktiviti menebas huma padi bukit. Semasa pergi *manggol*, orang Iban perlu membawa bersama-sama mereka beberapa peralatan penting, seperti batu asah pertanian, *piring* dan parang untuk menebas. Aktiviti *manggol* dimulakan dengan membuat alas khas untuk meletakkan batu asah pertanian. Batu asah pertanian perlu dijaga dengan baik, dihormati dan dipuja dengan ritual *miring*.

Menurut Aki Jemat Umpor, asal batu asah pertanian orang Iban daripada keturunan seorang tuan puteri Iban yang bernama Jawai Serantai tali Perak, iaitu apabila Sulau Panggau Liga berkahwin dengan Kelawah Kilau Kelawan Kumang Subang Kejatan dan mempunyai anak bernama Pating Limau Luyan dan kemudiannya berkahwin dengan Maling Perencing Kilat Bujang Remang Beragat dan mempunyai tiga orang anak yang bernama Jawai Serantai Tali Perak, Dara Burai dan Sebai. Kemudian Jawai Serantai Tali Perak berkahwin dengan Jilap Selikap Ambon Bujang Sepanjai Taun. Setakat ini sahaja keturunan Jawai Serantai tali Perak iaitu, keturunan batu asah pertanian dalam masyarakat Iban.

Menurut Miya Dabong, selepas meletakkan batu asah pertanian itu, barulah mereka boleh mengadakan ritual *miring* dan kemudian

disusuli dengan kegiatan menebas dengan mengelilingi *panggol*, iaitu tempat batu asah pertanian diletakkan, iaitu perlu menebas sebanyak dua hingga tiga kali pusingan, dan kemudian perlu berhenti menebas dan seterusnya mereka pulang ke rumah. Jika sekiranya dalam perjalanan pulang ke rumah, mereka terdengar *burung bisa/burung jangka* (petanda yang amat berbisa) maka petanda tersebut wajib diiringi dengan ritual *miring*. Pada hari yang ke-2, orang Iban biasanya tidak boleh turun ke huma untuk menebas, dan ini dikenali sebagai *nguan panggol* (duduk di rumah saja sebagai tanda menghormati *petara* Pulang Gana setelah mengadakan ritual *manggol*). Pada hari yang ke-3, barulah mereka turun *ngundang panggol* yang bermaksud turun ke huma untuk menebas semula huma tersebut. Pada hari yang ke-3 ini mereka hanya perlu menebas pada keluasan yang lebih kurang sama dengan keluasan hari yang pertama. Setelah selesai menebas, mereka perlu membuka bekalan nasi yang mereka bawa dan perlu memakan sedikit nasi tersebut, kemudian terus pulang ke rumah.

Aktiviti *manggol* dan *ngundang panggol* pun selesai, dan orang Iban perlu melakukan aktiviti menebas secara berterusan sehingga huma tersebut selesai ditebas. Pada lazimnya orang Iban melakukan aktiviti menebas ini secara bekerjasama atau bergotong-royong antara satu sama lain dan kaedah ini merupakan satu tradisi yang diwarisi dari semasa ke semasa dalam masyarakat Iban sehingga ke hari ini. Sistem kerjasama ini dikenali sebagai *beduruk*, iaitu bermaksud melakukan kerja secara gotong-royong antara ahli rumah panjang yang bukan sahaja untuk mempercepatkan proses kerja-kerja menebas huma padi bukit, malah dapat menjalinkan dan mengekalkan hubungan baik antara penghuni rumah panjang tersebut.

Menurut Tugang Rima, semasa musim aktiviti menebas dijalankan, terdapat beberapa pantang-larang yang perlu dipatuhi oleh orang Iban. Antara contoh termasuklah aktiviti apabila bulan hampir purnama dan purnama penuh, iaitu masuk hari yang ke-15 ia dikenali sebagai

bulan mali (bulan hampir purnama penuh) dan hari ke-16 merupakan waktu *bulan keleman*/bulan surut (bulan purnama penuh akan mula mengecilkan saiznya). Pada waktu tersebut mereka tidak boleh pergi menebas huma. Mereka duduk di rumah sahaja selama dua hari berturut-turut kerana dikhuatiri jika mereka membakar huma itu nanti, hujan akan turun dengan lebat dan huma tidak hangus dijilat api dan padi yang ditanam sukar untuk hidup dengan subur. Kemudian, pada hari ke-17 dan ke-18 orang Iban boleh pergi menebas selama dua hari sahaja, dan kemudian pada hari ke-19 orang Iban sekali lagi tidak boleh pergi menebas selama satu hari sahaja kerana pada waktu ini, bulan dikenali sebagai *bulan rumpang*/bulan surut, iaitu bulan semakin mengecil selepas purnama penuh. Jika tidak dipatuhi, dikhuatiri keluarga itu akan mengalami porak-poranda dan perpecahan dalam keluarga dipercayai berlaku.

Setelah mereka selesai menebas padi huma padi bukit, mereka *ngirai reban*, iaitu menunggu pokok kayu yang telah ditebang itu cukup kering dan boleh dibakar pada cuaca hari panas atau dikenali sebagai kemarau pendek. Setelah pokok tersebut cukup kering, orang Iban akan mula membakar huma padi bukit yang dijalankan secara bergotong-royong demi untuk menjaga keselamatan hutan yang berhampiran. Setelah huma dibakar, orang Iban akan menanam pelbagai jenis sayur-sayuran di huma tersebut sebelum aktiviti menanam padi bukit, dan aktiviti menanam padi bukit ini dinamakan *nugal*. Menurut Miya Dabong, pada zaman dahulu, orang Iban hanya menanam padi bukit sahaja, dan padi bukit itu dikenali sebagai Juit (nama sejenis benih padi bukit yang ditanam orang Iban).

Menurut Aki Jemat Umpor, asal usul keturunan benih padi berasal daripada seorang tuan puteri Iban yang bernama Dara Burai. Adik kepada Jawai Serantai tali Perak yang bernama Dara Burai berkahwin dengan Beratong Merabong Kubau Telajan dan mempunyai anak bernama Sudan Intan Gemala Jawai Serantai Emas Sekelunca dan

kemudiannya berkahwin dengan Tandok Ngigar Ngeledi Suluh Bintang Tedani dan dikurniakan anak yang bernama Benih Buntih Padi Putting, iaitu keturunan Dara Burai yang merupakan keturunan benih padi orang Iban.

Biasanya untuk menanam padi bukit ia dilakukan pada bulan Julai setiap tahun, iaitu orang Iban berpandukan saiz anak bulan tumbuh di langit sebesar taring babi (setelah empat atau lima hari anak bulan tumbuh di langit). Apabila orang Iban *menugal* (menanam padi bukit) pada waktu ini, dipercayai padi yang ditanam itu *padi nyadi baka mutah manah kin kitu* yang bermaksud padi hidup dengan amat subur dan seterusnya membolehkan orang Iban mendapat hasil tuaian padi yang amat lumayan.

Setelah *nugal*, orang Iban *ngemata ka padi* (memerhatikan keadaan pertumbuhan padi). Apabila *padi ngandung* (padi mula menghasilkan buah) ketika itulah keadaan amat mencabar kerana pada musim padi mengandung, banyak haiwan seperti rusa, monyet dan babi meragut pokok dan buah padi sehingga merosakkan hampir keseluruhan huma padi bukit mereka. Pada lazimnya, pada waktu ini orang Iban bermalam di huma untuk menjaga keselamatan padi mereka daripada diganggu oleh haiwan seperti babi dan rusa. Orang Iban tidak ada senjata seperti senapang. Yang perlu dilakukan hanya membuat senjata tajam menyerupai sebilah lembing yang dikenali sebagai *sia*. *Sia* diperbuat daripada buluh tua yang berkualiti tinggi supaya *sia* tersebut boleh berfungsi dengan baik.

Pada zaman dahulu, orang Iban memburu binatang seperti rusa dan babi menggunakan *sia*. Menurut Tani Adar, *sia* berfungsi dengan amat berkesan, malah lebih berkesan daripada senjata seperti senapang (senapang pun selalunya tidak tepat mengena pada sasarannya). Selain *sia*, orang Iban membuat listik dan memasang perangkap atau jerat yang diperbuat daripada buluh dan jerat itu dipasang di sepanjang jalan laluan babi dan rusa. Listik pula diperbuat daripada kayu masam.